

01/03/2005

Mahathir-Langkawi

PULAU LANGKAWI SETARAF PHUKET DAN BALI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Pulau Langkawi kini setaraf dengan dua pusat peranginan tersohor di rantau ini iaitu Phuket di Thailand dan Bali di Indonesia, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata walaupun Langkawi setanding Phuket dan Bali, namun ia mempunyai daya penarik yang berbeza.

Dr Mahathir yang menjadi penggerak utama memajukan Langkawi sebagai pulau pelancongan yang terkenal, berkata meskipun kemudahan dan keistimewaan yang ditawarkan di pulau legenda itu tidak sama dengan kedua-dua pulau itu, namun permintaan yang tinggi daripada pelancong dalam dan luar negara membuktikan Pulau Langkawi sememangnya berpotensi menjadi pusat pelancongan dunia.

"Pada mulanya, apabila kita menjadikan Langkawi sebagai pulau pelancongan, kita cuma berharap dengan mendirikan hotel kecil dan tidak adalah pembangunan seperti marina yang besar.

"Tetapi permintaan nampaknya begitu tinggi kita perlu mengadakan kemudahan yang lebih canggih," katanya dalam temuramah sempena laporan khas 12 siri mengenai Pulau Langkawi yang akan disiarkan di Warta Perdana TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM) mulai malam esok.

Menurut kenyataan RTM hari ini, dalam temuramah yang akan disiarkan esok, Dr Mahathir berkata pembangunan berterusan di Pulau Langkawi memberi banyak manfaat kepada penduduk setempat.

Laporan khas bertajuk 'Langkawi...Sumpahan Terungkai' akan menyiarkan laporan mengenai pembangunan pulau legenda itu menjadi pusat pelancongan dan pelaburan terkemuka di rantau ini.

Ia akan memaparkan perubahan yang dilalui pulau legenda itu sehingga berjaya menarik pelabur dalam dan luar negara, yang menjadikannya pusat perniagaan utama dalam bidang perhotelan dan restoran.

-- BERNAMA

ASF MFJ ROS